

Perbandingan Faktor Yang Mempengaruhi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Antara Sekolah di Bandar dan Luar Bandar

Nurul Ezzati Azizi¹

¹Sek. Men. Vokasional, Butterworth, Penang, Malaysia

Halimah Maalip²

²Pusat Bahasa, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

Noordin Yahaya³

³Universiti Teknologi Mara, Melaka, Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor – faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen mata pelajaran kemahiran hidup iaitu komponen perdagangan dan keusahawanan di sebuah sekolah yang terletak di bandar dan sebuah sekolah lahir yang terletak di luar bandar. Faktor-faktor yang dikaji adalah faktor kurikulum, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran guru dan persekitaran. Kajian rintis telah dijalankan dan nilai Alpha Cronbach ialah 0.89. Kemudian, kajian sebenar dijalankan dan maklumat diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang terdiri daripada 333 orang pelajar tingkatan dua sesi 2009 di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu Sabah. Data-data kajian dianalisis dengan menggunakan “Statistical Package for the Social Science (SPSS)” Versi 15. Analisis yang dibuat diterjemahkan dalam bentuk min, frekuensi dan peratus. Hasil kajian mendapati bahawa faktor kurikulum, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran guru dan persekitaran mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah di kedua-dua sekolah ini. Diharap dengan maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian, langkah-langkah serta pendekatan yang sesuai dapat dikenalpasti untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah terbabit. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai satu garis panduan untuk kajian yang seterusnya pada masa yang akan datang.

Katakunci: kurikulum, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran guru, persekitaran

Abstract: The main purpose of this research is to examine the factor which affected teaching and learning process subject Living Skill that is component commerce and entrepreneurship in both of school at school in the city and rural school. The factor of the study involves the factor of curriculum, teaching material, teaching technique and environment. The initial study is carried out and the value of Alpha Cronbach is 0.89. Then, the actual study is held and the information is obtained by passing around the questionnaires to the respondents which 333 student form 2 session 2009 in Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor and Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu Sabah. The data of this research are analysis using Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 15. The data is presented in the form of mean, frequency, and percentage. The finding shows that factor curriculum, teaching material, teaching technique and environment influence teaching and learning process in the classroom both of school. Hope, with the information obtained from this research, the suitable methods and approximation could be identified to improve the perfection of workshop in order to originate the effectiveness of teaching and learning in those schools. Besides, I hope that this research also could be a guide line for the next research in the future.

Keywords: curriculum, teaching material, teaching technique, environment

1.0 PENGENALAN

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan salah satu daripada mata pelajaran yang digubal oleh Kementerian pelajaran Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Malaysia. Penggubalan tersebut bertujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat secara produktif serta membentuk pelbagai jenis tenaga kerja yang berkait rapat dengan perkembangan teknologi dan ekonomi negara.

Salah satu komponen teras yang terdapat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah Perdagangan Dan Keusahawanan. Komponen teras ini dapat mendedahkan dan membekalkan para pelajar dengan pelbagai pengetahuan serta kemahiran yang berkait rapat dengan kehidupan harian. Pelajar dibekalkan dengan amalan perniagaan termasuk aspek kewangan, jual beli dan konsumerisme. Malah kurikulum pendidikan keusahawanan yang digubal dengan teliti akan melahirkan usahawan yang boleh mengawal kehidupan dan persekitarannya. Usahawan adalah orang yang mempunyai matlamat hidup, daya usaha dan penuh bersemangat. Inilah ciri – ciri peribadi yang perlu ditanamkan kepada setiap murid atau pelajar.

Pendidikan komponen perdagangan dan keusahawanan sepatutnya memberikan maklumat dan kebolehan mengenai nilai perseorangan dan kewarganegaraan kepada individu dan juga memberikan pendidikan vokasional yang lengkap untuk mengenal pasti kerjaya dalam masyarakat moden. Hal ini kerana, sekiranya melentur buluh biarlah daripada rebungnya supaya dapat melahirkan pelajar yang berminat dalam bidang perniagaan dan berjaya pada masa hadapan. Melalui pembelajaran ini, pelajar akan didedahkan dengan suasana kehidupan harian yang melibatkan masyarakat sekeliling.

Menurut Ramsden (1988), pembelajaran ialah satu pergerakan ke arah penyelesaian masalah yang belum biasa di temui, mengenal pasti kuasa dan kekuatan konsep dalam mata pelajaran tertentu dan berupaya mengaplikasikan apa yang telah di pelajari dalam bilik darjah kepada masalah di luar bilik darjah. Selain itu, pembelajaran sebenarnya bukan sahaja untuk melayakkan diri pelajar lulus cemerlang dalam peperiksaan sahaja dan dilupakan begitu sahaja. Pembelajaran sepatutnya merupakan untuk jangka panjang dan jangka pendek dimana pembelajaran adalah untuk seumur hidup.

Oleh yang demikian, pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup terutamanya dalam subjek perdagangan dan keusahawanan harus dipandang serius dan tidak dipandang remeh sahaja. Hal ini kerana sekiranya para pelajar memahami tujuan subjek tersebut para pelajar akan sedar terhadap pentingnya subjek tersebut kepada diri mereka. Sifat – sifat usahawan adalah lahir daripada minat seseorang itu terhadap perniagaan bukannya lahir daripada baka keturunan. Menurut Kuratko dan Hodgetts (1992), *entrepreneur is one who undertakes to organise, manage dan assume the risks of business*. Manakala, menurut Dollinger (1995), keusahawanan sebagai pembentukan syarikat ekonomi yang inovatif bagi tujuan keuntungan atau perkembangan serta kesediaan untuk berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian.

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas adalah suatu yang kompleks dan jarang sekali orang mempersoalkan bagaimana isi pelajaran dipindahkan dari pengetahuan guru kepada isi pengetahuan pengajaran. Di sekolah, para pelajar membentuk gaya pembelajaran tersendiri serta berinteraksi dengan maklumat dengan bantuan guru yang juga mempunyai gaya pengajaran tersendiri. Guru-guru selalu mengandaikan mereka hanya bertanggungjawab tentang subjek yang diajar tanpa menghiraukan proses kognitif pelajar tersebut (Subahan, T., 1996). Oleh itu, peranan guru tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran akan lebih berkesan jika guru melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian melalui usaha memadamkan kaedah pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar-pelajar (Dunn & Dunn, 1978).

Mengikut Honey dan Mumford (1992a), proses pembelajaran berlandaskan kepada menimba ilmu pengetahuan dan ia merupakan sepanjang hayat dan dalam proses pembelajaran tersebut pula beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh seseorang pelajar. Kecenderungan yang dimaksudkan itu ialah mengimbas kembali, membuat kesimpulan, mempelajari sesuatu berdasarkan pengalaman dan membuat implementasi.

Shea (1994) menyatakan pembelajaran ialah proses mental atau fizikal yang membawa perubahan dalam tingkah laku. Beliau berpendapat kebijaksanaan bukan sesuatu

elemen statik tetapi adalah suatu sistem yang dinamik dan terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat. Kebanyakkan proses pembelajaran yang signifikan adalah dari apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian.

Gremler (1996) pula menyatakan bahawa gaya pembelajaran melibatkan aspek-aspek personaliti, pemprosesan maklumat, interaksi sosial, kecenderungan terhadap garis panduan, tumpuan perhatian terhadap sesuatu yang baru, unik dan terdapatnya kelainan dalam diri individu. Gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri seseorang individu adalah salah satu penentuan kearah kecekapan dan kebolehan mengasimilasikan ilmu yang dipelajari dengan cemerlang dan berkesan. Objektif utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ialah keberkesanan dan kecekapan seseorang melalui proses pembelajaran dalam kelas.

Gaya pembelajaran yang sesuai penting untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Chambers, 1991). Chambers berpendapat bahawa pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Hal ini kerana cara yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran akan menyebabkan pelajar di semua peringkat lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik. Sebagai tambahnya, Dunn dan Dunn (1979) menyatakan bahawa apabila kaedah, sumber dan program dipadankan dengan sifat-sifat gaya pembelajaran pelajar, maka pencapaian akademik dan sikap pelajar akan meningkat. Sebaliknya, jika padanan di antara pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai, maka pencapaian akademik dan sikap juga turut merosot.

Menurut Griggs (1991), penggunaan gaya pembelajaran yang betul adalah amat penting untuk meningkatkan keputusan akademik. Pencapaian ini yang akan membuktikan sejauhmana gaya pembelajaran seseorang pelajar berkesan atau tidak. Peningkatan dan penurunan pencapaian akademik pelajar sebenarnya sangat berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas

Secara keseluruhannya, semoga pelbagai pihak terutamanya ibubapa, pihak guru dan pelajar itu sendiri sedar bahawa mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan merupakan subjek yang perlu diambil perhatian. Ibubapa perlu sedar bahawa subjek ini bukanlah untuk pelajar yang lemah tetapi adalah untuk semua pelajar bagi memupuk pelajar meminati perniagaan pada masa hadapan kelak yang mampu membantu perkembangan ekonomi negara kelak.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar merupakan aset yang paling berharga kepada negara dan khususnya ibubapa. Hal ini kerana, mereka akan mewarisi kesinambungan negara pada masa hadapan untuk meneraju negara supaya mampu setanding dengan negara luar. Bidang perniagaan di negara ini merupakan tulang belakang ekonomi negara. Oleh itu, amat menyedihkan sekiranya para pelajar tidak menghargai ilmu yang mereka perolehi dalam mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenal pasti perbandingan faktor – faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbandingan faktor – faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah bandar dan luar bandar. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti faktor kurikulum yang boleh mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.
- ii. Mengenal pasti faktor bahan bantu mengajar boleh mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.
- iii. Mengetahui gaya pengajaran guru mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.
- iv. Mengenal pasti faktor persekitaran bilik darjah boleh mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.

4.0 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini ialah:

- Ho1** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.
- Ho2** Terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor bahan bantu mengajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.
- Ho3** Terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor gaya pengajaran guru yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.
- Ho4** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor persekitaran yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Melalui pernyataan masalah tersebut, maka disini dijelaskan persoalan kajian secara khusus iaitu:

- i. Adakah faktor kurikulum mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.
- ii. Adakah faktor bahan bantu mengajar mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.
- iii. Adakah gaya pengajaran guru mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.

- iv. Adakah faktor persekitaran bilik darjah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan antara sekolah di bandar dan luar bandar.

6.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada perkara – perkara berikut sahaja:

- i. Ditumpukan kepada faktor kurikulum, bahan bantu mengajar, gaya pengajaran guru dan persekitaran bilik darjah.
- ii. Kajian ini terbatas kepada pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu di Negeri Sabah Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dua Skudai di Negeri Johor.

7.0 METOD

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Sampel kajian dalam penyelidikan ini menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Mudah. Persampelan jenis ini dipilih bersesuaian dengan keadaan sampel yang terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua sekolah menengah kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan kota Marudu Sabah yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup. Instrumen kajian ialah set soal selidik yang terdiri daripada bahagian A dan bahagian B. Kajian rintis dijalankan untuk menganalisis kebolehpercayaan soal selidik di mana nilai keseluruhan ialah 0.87.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian satu bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor

No Item	Item	Min	Peratus (%)	Justifikasi
1	Konsep kepenggunaan membantu saya memilih barangan dengan bijak semasa membeli – belah.	2.70	74.8	SETUJU
4	Saya dapat membezakan jenis – jenis perniagaan runcit yang terdapat di tempat saya.	2.63	71.7	SETUJU
9	Saya suka aktiviti – aktiviti yang melibatkan konsep jual-beli.	2.57	69.8	SETUJU
3	Pengetahuan mengenai Konsumerisme membantu saya semasa membeli – belah di mana – mana pasaraya	2.42	52.2	SETUJU
10	Saya tahu cara untuk menguruskan sesuatu perniagaan	2.19	50.9	TIDAK PASTI
8	Saya mengetahui cara simpan kira dilakukan	2.37	49.7	SETUJU
6	Saya mengetahui cara menguruskan kewangan	2.34	46.7	SETUJU

2	Pembelajaran mengenai tajuk Penubuhan Perniagaan memudahkan saya menubuhkan satu syarikat perniagaan kelak.	2.31	45.9	TIDAK PASTI
5	Saya mempunyai ciri – ciri seorang usahawan	2.03	45.9	TIDAK PASTI
7	Saya mengetahui cara menguruskan stok	2.15	45.3	TIDAK PASTI
11	Sistem urusniaga dalam sesebuah bank membantu saya memahami dengan lebih mendalam tentang topik Sistem Perbankan.	2.11	39.6	SETUJU
PURATA KESELURUHAN		2.35		

Jadual 1 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan di SMK Taman Universiti Dua. Berdasarkan kepada jadual tersebut, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 1 iaitu 74.8% yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 11 iaitu 39.6 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.35. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Taman Universiti Dua secara umumnya majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 2: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian satu bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu Sabah

No Item	Item	Min	Peratus (%)	Justifikasi
5	Saya mempunyai ciri – ciri seorang usahawan	2.05	77.6	TIDAK PASTI
1	Konsep kepenggunaan membantu saya memilih barangan dengan bijak semasa membeli – belah.	2.70	71.8	SETUJU
4	Saya dapat membezakan jenis – jenis perniagaan runcit yang terdapat di tempat saya.	2.67	69.0	SETUJU
10	Saya tahu cara untuk menguruskan sesuatu perniagaan	2.12	64.9	TIDAK PASTI
7	Saya mengetahui cara menguruskan stok	2.17	64.4	TIDAK PASTI
8	Saya mengetahui cara simpan kira dilakukan	2.24	64.4	TIDAK PASTI
9	Saya suka aktiviti – aktiviti yang melibatkan konsep jual-beli.	2.59	63.8	SETUJU
11	Sistem urusniaga dalam sesebuah bank membantu saya memahami	2.20	57.5	TIDAK PASTI

dengan lebih mendalam tentang topik Sistem Perbankan.

2	Pembelajaran mengenai tajuk Penubuhan Perniagaan memudahkan saya menubuhkan satu syarikat perniagaan kelak.	2.36	54.6	TIDAK PASTI
6	Saya mengetahui cara menguruskan kewangan	2.23	52.6	TIDAK PASTI
3	Pengetahuan mengenai Konsumerisme membantu saya semasa membeli – belah di mana – mana pasaraya	2.37	50.6	TIDAK PASTI
PURATA KESELURUHAN		2.34		

Jadual 2 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan di SMK Kota Marudu. Berdasarkan kepada jadual tersebut, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 5 iaitu 77.6 peratus yang dijustifikasikan sebagai Tidak Pasti. Manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 3 iaitu 50.6 peratus yang dijustifikasikan sebagai Tidak Pasti. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.34. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Kota Marudu Sabah secara umumnya majoritinya Tidak Pasti dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 3: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian dua bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor

No Item	Item	Min	Peratus (%)	Justifikasi
15	Guru sentiasa mengajar dalam pelbagai bentuk alat bantu mengajar.	2.57	69.2	SETUJU
13	Guru membawa bahan bacaan tambahan bagi setiap topik yang akan dipelajari	2.43	66.0	SETUJU
12	Guru berpandukan buku teks sepenuhnya semasa pengajaran	2.40	58.5	SETUJU
20	Pengajaran menggunakan papan tulis/white board meningkatkan semangat saya untuk belajar	2.31	47.8	SETUJU
17	Guru seringkali membuat lawatan sambil belajar	1.84	47.2	TIDAK SETUJU
18	Kaedah penayangan video yang digunakan dalam pengajaran menarik minat saya untuk belajar	2.10	45.9	SETUJU
14	Guru menggunakan pengajaran dengan menggunakan teknologi ICT semasa proses Pengajaran & Pembelajaran	2.12	42.1	SETUJU
19	Pengajaran menggunakan Overhed	2.04	39.6	TIDAK

16	menarik minat saya untuk belajar Guru sentiasa mengajar menggunakan power point semasa proses pengajaran dan pembelajaran	1.99	36.5	PASTI TIDAK PASTI
PURATA KESELURUHAN		2.20		

Jadual 3 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor bahan bantu mengajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan di SMK Taman Universiti Dua. Berdasarkan kepada jadual tersebut, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 15 iaitu 69.2 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 16 iaitu 36.5 peratus yang dijustifikasikan Tidak Pasti. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.20. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Taman Universiti Dua secara majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor bahan bantu mengajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 4: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian dua bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu Sabah

No Item	Item	Min	Peratus (%)	Justifikasi
13	Guru membawa bahan bacaan tambahan bagi setiap topik yang akan dipelajari	2.72	74.7	SETUJU
19	Pengajaran menggunakan Overhed menarik minat saya untuk belajar	2.17	71.8	TIDAK PASTI
15	Guru sentiasa mengajar dalam pelbagai bentuk alat bantu mengajar.	2.52	63.2	SETUJU
20	Pengajaran menggunakan papan tulis/white board meningkatkan semangat saya untuk belajar	2.48	55.7	SETUJU
18	Kaedah penayangan video yang digunakan dalam pengajaran menarik minat saya untuk belajar	2.39	53.4	SETUJU
14	Guru menggunakan pengajaran dengan menggunakan teknologi ICT semasa proses Pengajaran & Pembelajaran	2.28	49.4	TIDAK PASTI
16	Guru sentiasa mengajar menggunakan power point semasa proses pengajaran dan pembelajaran	2.22	49.4	TIDAK PASTI
17	Guru seringkali membuat lawatan sambil belajar	2.28	49.4	TIDAK PASTI
12	Guru berpandukan buku teks sepenuhnya semasa pengajaran	2.22	44.3	SETUJU
PURATA KESELURUHAN		2.36		

Jadual 4 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor bahan bantu mengajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan di SMK Taman Universiti Dua. Berdasarkan kepada jadual tersebut, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 13 iaitu 74.7 peratus yang dijustifikasikan sebagai setuju, manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 12 iaitu 44.3 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.36. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Kota Marudu Sabah secara majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor bahan bantu mengajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 5: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian tiga bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor

No Item	ITEM	Min	Peratus	Justifikasi
23	Guru mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan selalu memberikan latihan atau kerja rumah selepas tamat topik yang diajar.	2.57	67.9	SETUJU
24	Guru memberikan perhatian sama rata kepada pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.	2.55	66.0	SETUJU
21	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dalam suasana gembira dan menyeronokkan	2.49	64.9	SETUJU
22	Guru gemar berinteraksi bersama pelajar dalam sesi pengajaran	2.48	60.4	SETUJU
29	Pengajaran guru adalah jelas dan mudah difahami	2.37	56.0	SETUJU
30	Saya mengagumi cara yang digunakan oleh guru dalam pengajarannya	2.30	49.1	SETUJU
28	Keyakinan saya bertambah bagi menyelesaikan tugas yang diberikan selepas pengajaran guru	2.25	46.5	SETUJU
26	Guru menjalankan pengajaran dengan kaedah bersemuka dari seorang pelajar kepada pelajar yang lain	2.09	42.8	SETUJU
27	Guru sentiasa memberikan maklumat terbaru di luar silibus pengajaran	2.20	41.5	SETUJU
25	Guru menjalankan kaedah pengajaran secara berkumpulan	2.19	40.9	SETUJU

PURATA MIN KESELURUHAN **2.35**

Jadual 5 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan gaya pengajaran guru yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Berdasarkan kepada jadual tersebut, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 23 iaitu 67.9 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju, manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 25 iaitu 40.9 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.35. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Taman Universiti Dua Skudai Johor secara umumnya majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor gaya pengajaran guru yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 6: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian tiga bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu Sabah

No Item	ITEM	Min	Peratus (%)	Justifikasi
24	Guru memberikan perhatian sama rata kepada pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.	2.76	81.0	SETUJU
22	Guru gemar berinteraksi bersama pelajar dalam sesi pengajaran	2.77	77.6	SETUJU
30	Saya mengagumi cara yang digunakan oleh guru dalam pengajarannya	2.66	69.0	SETUJU
28	Keyakinan saya bertambah bagi menyelesaikan tugas yang diberikan selepas pengajaran guru	2.65	67.8	SETUJU
21	Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dalam suasana gembira dan menyeronokkan	2.61	64.8	SETUJU
23	Guru mata pelajaran perdagangan dan keusahawanan selalu memberikan latihan atau kerja rumah selepas tamat topik yang diajar.	2.59	63.8	SETUJU
29	Pengajaran guru adalah jelas dan mudah difahami	2.56	60.3	SETUJU
26	Guru menjalankan pengajaran dengan kaedah bersemuka dari seorang pelajar kepada pelajar yang lain	2.09	56.3	TIDAK PASTI
27	Guru sentiasa memberikan maklumat terbaru di luar silibus pengajaran	2.29	52.3	TIDAK PASTI
25	Guru menjalankan kaedah pengajaran secara berkumpulan	2.35	50.6	TIDAK PASTI
PURATA MIN KESELURUHAN			2.53	

Jadual 6 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan gaya pengajaran guru yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Berdasarkan kepada jadual di atas, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 24 iaitu 81.0 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju, manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 25 iaitu 50.6 peratus yang dijustifikasikan sebagai Tidak Pasti. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.53. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Kota Marudu Sabah secara umumnya majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor gaya pengajaran guru yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 7: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian empat bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti Dua Skudai Johor

No item	Item	Min	Peratus (%)	Justifikasi
37	Suasana kelas yang ceria menarik tumpuan saya semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	2.60	71.7	SETUJU
31	Gangguan rakan menyebabkan saya hilang tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran	2.55	71.1	SETUJU
33	Keadaan bilik darjah yang bersih merupakan faktor penting bagi keselesaan untuk melakukan proses pembelajaran	2.55	67.9	SETUJU
39	Suasana kelas yang bising mengganggu ketenteraman saya semasa pembelajaran.	2.45	63.5	SETUJU
38	Saya dapat menyelesaikan latihan di dalam kelas walaupun keadaan cahaya yang tidak mencukupi	1.63	56.6	TIDAK SETUJU
34	Keadaan bilik darjah yang panas mengganggu proses pembelajaran	2.30	55.3	SETUJU
35	Kedudukan kelas yang berhampiran dengan laluan pelajar mengganggu tumpuan saya terhadap pengajaran.	2.41	54.1	SETUJU
36	Kedudukan meja yang terlalu rapat mengganggu pergerakan semasa proses pembelajaran	2.13	45.9	SETUJU
32	Kelengkapan dalam bengkel atau bilik darjah adalah mencukupi setiap masa.	2.18	42.8	SETUJU

PURATA KESELURUHAN**2.31**

Jadual 7 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor persekitaran bilik darjah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran Perdagangan dan Keusahawanan. Berdasarkan kepada jadual tersebut, item yang memperolehi peratus yang tertinggi ialah item 37 iaitu 71.7 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju, manakala item yang memperolehi peratus yang terendah ialah item 32 iaitu 42.8 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.31. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Taman Universiti Dua Skudai Johor secara umumnya majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor persekitaran yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

Jadual 8: Rumusan dapatan kajian persoalan kajian empat bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Marudu Sabah

No item	Item	Min	Peratus	Justifikasi
33	Keadaan bilik darjah yang bersih merupakan faktor penting bagi keselesaan untuk melakukan proses pembelajaran	2.87	87.9	SETUJU
37	Suasana kelas yang ceria menarik tumpuan saya semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	2.78	79.9	SETUJU
39	Suasana kelas yang bising mengganggu ketenteraman saya semasa pembelajaran.	2.58	73.6	SETUJU
31	Gangguan rakan menyebabkan saya hilang tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran	2.58	71.3	SETUJU
34	Keadaan bilik darjah yang panas mengganggu proses pembelajaran	2.58	67.2	SETUJU
38	Saya dapat menyelesaikan latihan di dalam kelas walaupun keadaan cahaya yang tidak mencukupi	2.00	52.9	TIDAK PASTI
35	Kedudukan kelas yang berhampiran dengan laluan pelajar mengganggu tumpuan saya terhadap pengajaran.	2.32	51.1	SETUJU
32	Kelengkapan dalam bengkel atau bilik darjah adalah mencukupi setiap masa.	2.32	48.3	TIDAK PASTI
36	Kedudukan meja yang terlalu rapat mengganggu pergerakan semasa proses pembelajaran	2.25	45.4	SETUJU
PURATA KESELURUHAN			2.48	

Jadual 8 menunjukkan satu keputusan analisis bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor persekitaran bilik darjah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran

Perdagangan dan Keusahawanan. Berdasarkan kepada jadual di atas, item yang memperoleh peratus yang tertinggi ialah item 33 iaitu 87.9 peratus yang dijustifikasikan sebagai Setuju, manakala item yang memperoleh min yang terendah ialah item 36 iaitu 45.4 yang dijustifikasikan sebagai Setuju. Secara keseluruhannya purata min yang diperolehi daripada setiap item dalam bahagian ini ialah 2.48. Ini menunjukkan bahawa responden dari SMK Kota Marudu Sabah secara majoritinya Setuju dengan objektif pada bahagian ini iaitu faktor persekitaran yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen perdagangan dan keusahawanan.

8.3 Analisis Inferensi

Jadual 9: Ujian –t (Independent-Samples t-test) untuk mengesan kewujudan perbezaan persepsi lokasi dengan faktor kurikulum mempengaruhi proses P&P komponen Perdagangan dan Keusahawanan

LOKASI	N	MIN	SISIHAN PIAWAI	df	t	SIGNIFIKAN
Bandar	159	25.83	2.87	331	.460	.065
Luar Bandar	174	25.70	2.70	324	.458	

*Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian mendapati $p=0.065 > \alpha 0.05$. Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.

Jadual 10: Ujian –t (Independent-Samples t-test) untuk mengesan kewujudan perbezaan persepsi lokasi dengan faktor bahan bantu mengajar mempengaruhi proses P&P komponen Perdagangan dan Keusahawanan

LOKASI	N	MIN	SISIHAN PIAWAI	df	t	SIGNIFIKAN
Bandar	159	19.59	3.30	331	-5.228	.000
Luar Bandar	174	21.26	3.52	295	-5.167	

*Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian mendapati $p=0.000 < \alpha 0.05$. hipotesis nol ditolak dan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor bahan bantu mengajar yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.

Jadual 11: Ujian –t (Independent-Samples t-test) Untuk mengesan kewujudan perbezaan persepsi lokasi dengan gaya pengajaran guru mempengaruhi proses P&P komponen Perdagangan dan Keusahawanan

LOKASI	N	MIN	SISIHAN PIAWAI	df	t	SIGNIFIKAN
Bandar	159	23.50	3.83	331	-5.153	.000
Luar Bandar	174	25.34	2.60	275	-5.068	

*Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian mendapati $p=0.000 < \alpha 0.05$. hipotesis nol ditolak dan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor gaya pengajaran guru yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.

Jadual 12: Ujian –T (Independent-Samples t-test) untuk mengesan kewujudan perbezaan persepsi lokasi dengan faktor persekitaran bilik darjah mempengaruhi proses P&P komponen Perdagangan dan Keusahawanan

LOKASI	N	MIN	SISIHAN PIAWAI	df	t	SIGNIFIKAN
Bandar	159	20.77	2.94	331	-4.812	.267
Luar Bandar	174	22.28	2.78	324	-4.800	

*Signifikan pada aras keertian .05

Dapatan kajian mendapati $p=0.267 > \alpha 0.05$. Hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan faktor persekitaran yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran komponen Perdagangan dan Keusahawanan.

9.0 CADANGAN

Berdasarkan kepada rumusan dan perbincangan maka pengkaji membuat beberapa cadangan untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan di kalangan pelajar – pelajar. Cadangan ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak – pihak tertentu mahu pun untuk kajian lanjutan pada masa hadapan. Antara cadangan yang dikemukakan ialah:

- i. Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menambahkan peruntukkan untuk mempelbagaikan dan memperbanyakkan aktiviti atau program yang berkonsepkan keusahawanan untuk menerapkan sifat – sifat usahawan dalam diri pelajar.
- ii. Jabatan Pelajaran Negeri perlu kerap mengadakan kursus – kursus kepada para guru yang terlibat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup terutamanya dalam komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Hal ini kerana, bidang keusahawanan semakin berkembang luas. Oleh itu, daripada pengetahuan – pengetahuan baru yang diperolehi boleh diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Para guru perlu diberi garis panduan bagi membantu mereka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi komponen perdagangan dan keusahawanan. Di antaranya adalah seperti berikut:
 - a. Guru seharusnya mengaitkan aktiviti di bilik darjah dengan kehidupan sebenar.
 - b. Guru perlu menukarkan sikap berorientasikan peperiksaan kepada berorientasikan masa depan para pelajar di dalam meningkatkan pengetahuan kerjaya.
 - c. Mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah. Teknik seperti main peranan, lawatan, forum, seminar, perbincangan dan latihan

untuk kemahiran lisan harus mengambil tempat menggantikan teknik pengajaran tradisional.

- iv. Penglibatan daripada pihak keluarga dalam mendidik anak – anak dalam bidang keusahawanan juga penting memandangkan masa bersama keluarga adalah lebih panjang daripada masa di sekolah. Oleh itu, disarankan ibubapa hendaklah memainkan peranannya dalam mendidik anak supaya membesar sebagai rakyat yang bijak.

10.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, faktor kurikulum mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Secara keseluruhannya faktor kurikulum yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran adalah pengetahuan sedia ada pelajar tersebut membantu pemahaman yang lebih baik dan cepat. Selain itu, sukatan pelajaran membolehkan para pelajar tahu topik – topik yang mereka akan pelajari pada masa akan datang dan pembelajaran tersebut dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian para pelajar.

Manakala faktor bahan bantu mengajar turut mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Dapatan ini disokong oleh kenyataan Atan Long (1980) mengesahkan bahawa pentingnya alat bantuan mengajar yang merupakan salah satu keperluan dalam pengajaran yang berkesan.

Menurut Teoh (2005), guru boleh memperbaiki kandungan pengajaran, cara mengajar dan Schmidt (1991) menunjukkan motivasi ialah satu perasaan yang dapat dibentuk oleh guru dalam bilik darjah. Oleh itu, guru sepatutnya menjadi agen untuk melahirkan suasana yang mesra dan bertenaga dalam kelas. Menurut Oxford dan Ehrman (1993) juga berpendapat sikap guru yang positif semasa mengajar dapat memupuk motivasi pelajar dalam bilik darjah.

Seterusnya, faktor persekitaran bilik darjah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup komponen Perdagangan dan Keusahawanan. Dapatan ini disokong oleh kenyataan Dr Rahim (1998) bahawa sekolah dan bilik darjah yang mempunyai dorongan atau motivasi yang tinggi akan menunjukkan prestasi yang tinggi sama ada dari segi kemajuan akademik atau bukan akademik. Menurut Atan Long (1992), berpendapat bahawa sekolah termasuk bilik darjah memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran kerana pelajar akan merasa gembira di sekolah dan dalam bilik darjah yang mempunyai suasana yang menyenangkan.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2000). *Usahawan Dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Universiti Utara Malaysia : Pearson Education.
- Ahmad Zamri Bin Abdul Rahman (2002). “Masalah Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Lima Buah Sekolah Menengah Harian Di Negeri Perak”. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Akila Bin Su (2001). “Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Yang Dihadapi Oleh Para Pelajar Kemasukan Terus Di Kolej 13”. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Azizi Yahaya, Sharin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan & Syed Mohd Syafeq Syed Mansur (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Pts Profiesioonal Publishing Sdn Bhd.

- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Baba (1999). *Kepimpinan Dan Perkembangan Profesional Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd.
- Irwan Bin Maidin (2004). "Tinjauan Terhadap Minat Dn Sikap Pelajar, Persekitaran Dan Kemudahan Serta Pengajaran Guru Mata Pelajaran Teknologi Elektronik Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Sabah". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Ismail Mohd Zain (1994). "Keberkesanan Rekabentuk Pengajaran Bersistem Di Kalangan Pelajar – Pelajar Sekolah Menengah" Universiti Sains Malaysia: Tesis Ph.D
- Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 1991
- Malaysia (1997). "Akta Pendidikan 1996". Dlm. Buku Peraturan – Peraturan Kurikulum Kebangsaan Pendidikan 1997
- Masita Bt Teknoh (2004) "Persepsi Pelajar – Pelajar Tingkatan Dua Terhadap Komponen Perdagangan Dan Keusahawanan Kemahiran Hidup Bersepadu Di SMK Tun Habab Kota Tinggi Johor". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Mok Che Ho (2001). "Tinjauan Terhadap Faktor – Faktor Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar – Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Foon Yew Johor Bahru". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Nor'ani Binti Saidun (2007). "Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Menengah". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Quek Aik Sin (1998). "Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Perdagangan Dan Keusahawanan Bagi Pelajar – Pelajar Tingkatan Dua". UniversitiTeknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Rohaidah Daud (1997). "Sikap Dan Minat Pelajar Terhadap Komponen Perdagangan Dan Keusahawanan Kemahiran Hidup Di Empat Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Siti Atiqah Binti Sharudin (2008). "Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran Dan Pelajaran Di Dalam Bengkel Vokasional Di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Sulaiman Ngah Razali (2002). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tumiah Binti Sulaiman (2001) "Kesesuaian Modul Teras Perdagangan Dan Keusahawanan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan Dua". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Wan Mohd Hanif Bin Wan Mohd Hamzah (2002) "Satu Tinjauan Tentang Pengaruh Faktor Minat, Sikap Dan Persekitaran Dalam Pembelajaran Teknologi Automotif Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Yeo Kee Jiar (1996). "Amalan Penggunaan Abm Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Yusup Hashim (2000). "Konsep Dan Perkembangan Kurikulum Dan Instruksi". Universiti Sains Malaysia: Utusan Publication And Distributor Sdn Bhd.
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun (2003). *Siri Pengurusan Menjadi Usahawan*. Pahang Darul Makmur: Pts Publication & Distributor.

- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias (2000). *Pengajaran – Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan Dan Ekonomi Asas*. Universiti Putra Malaysia Penerbit UPM.
- Zainal Abidin Sulaiman (1999). “Persepsi Pelajar – Pelajar Tingkatan Satu Dan Dua terhadap Komponen Perdagangan Dan Keusahawanan Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di SMK Rengit Batu Pahat Johor”. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Zunkipeli Ishak (1999). “Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Komponen Perdagangan Dan Keusahawanan”. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.